

Integrasi dua hala capai keharmonian

UM 28 JUL 2003

LANGKAWI 27 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, integrasi dua hala di sempadan Malaysia dan Thailand boleh digunakan sebagai pembuka jalan bagi mencapai keharmonian dalam usaha membentuk penyatuan ekonomi serantau melalui Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

Perdana Menteri berkata, integrasi ekonomi yang terhad di sempadan kedua-dua negara boleh digunakan sebagai percubaan untuk memastikan objektif AFTA dapat dicapai memandangkan penyatuan secara menyeluruh adalah sukar dan memakan masa untuk menjadi kenyataan.

"Negara-negara ASEAN telah membentuk AFTA dengan objektif untuk menyatukan ekonomi kita.

"Tetapi seperti Kesatuan Eropah (EU), usaha itu akan memakan masa sebelum ia boleh mencapai objektifnya (dan) kerana kita tidak homogen seperti orang Eropah, kita perlu bermula deng-

an mencuba integrasi yang terhad.

"Sementara kita bergerak ke arah AFTA, kita juga perlu membuat eksperimen dengan integrasi yang lebih baik antara dua negara jiran atas dasar dua hala (jadi) kerjasama antara Malaysia dan Thailand di kawasan sempadan boleh dijadikan pembuka jalan.

"Jika ia berjaya, kawasan itu boleh diperluaskan. (Jadi) mungkin boleh ada satu tahap integrasi di lima wilayah selatan Thailand dengan tiga negeri Malaysia di utara iaitu Kedah, Perlis dan Kelantan," katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika menyampaikan ucapan pada Dialog Perkongsian Teknologi dan Perniagaan Malaysia-Thailand di Hotel Sheraton Perdana di sini hari ini.

Dialog dua hari bertajuk Memanfaatkan Perkongsian Strategik Perniagaan dan Teknologi Untuk Pertumbuhan Ekonomi itu disertai oleh kira-kira 300 delegasi dari kedua-dua negara.

Menurut Perdana Menteri, sebarang integrasi ekonomi harus dirancang dan dilaksanakan secara terperinci dan berhati-hati untuk mengelakkan perubahan radikal yang boleh menjejaskan perniagaan sedia ada di kedua-dua negara.

"Kemasukan barangan Thailand yang murah boleh menyebabkan barangan Malaysia tidak dapat dijual dan industri Malaysia tidak berdaya maju (manakala) kuasa membeli orang Malaysia boleh menyebabkan harga naik dan menyebabkan inflasi di Thailand.

●Lagi laporan di muka 4

"Jika kita mahukan integrasi lebih baik, ia harus dirancang dan dilaksanakan dengan teliti, dimulakan di kawasan sempadan dahulu menggunakan pendekatan selangkah demi selangkah dan mengelakkan perubahan radikal," ujarnya.

Dr. Mahathir menambah, kelebihan kedua-dua negara di kawasan sempadan harus dikenal-

pasti dan ditawarkan kepada para pelabur Malaysia dan Thailand serta pelabur asing.

"Bagaimanapun, pelaksanaannya perlu dibuat secara berhati-hati supaya kerosakan dapat diminimumkan kepada perniagaan dan pekerja tempatan kedua-dua negara," katanya.

Menurut Dr. Mahathir, pengalaman Eropah membentuk EU boleh digunakan sebagai panduan bagi mengelakkan sebarang kerjasama merentasi sempadan merosakkan ekonomi negara-negara terlibat.

"Pengenalan Euro telah menyebabkan peningkatan sara hidup di negara-negara miskin kesatuan itu, menyebabkan upah naik dan hasilnya seluruh Eropah menjadi kawasan dengan kos yang tinggi.

"Pekerja murah tidak boleh didapati di negara Eropah yang berkos rendah lagi. Jadi ia diperolehi daripada orang Asia dan Afrika yang membawa masuk pelbagai masalah sosial bersama-sama mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkumpulan ASEAN mungkin merupakan penyatuan antara negara-negara membangun yang paling kukuh dan berdaya maju di dunia kerana ia kekal bersatu walaupun sentiasa disering pelbagai masalah.

Negara-negara ASE-

AN juga telah mengenal pasti beberapa perjanjian dua hala dan merentasi sempadan untuk memperkukuhkan kerjasama tetapi sumbangannya kepada pertumbuhan serantau masih lagi tidak begitu signifikan, katanya.

"Dengan tumpuan ke-

pada kerjasama dua hala antara Malaysia dan Thailand, adalah mungkin ia dapat menyediakan asas dan menjadi contoh kepada pelbagai kawasan antara sempadan yang lain.

"Adalah penting untuk kita menjayakan dialog ini dan tindakan yang

bakal menyusul, jadi marilah kita ketepikan syak wasangka, kenal pasti bidang yang boleh dipersetujui, putus dan pulang untuk melaksanakan tindakan yang diperlukan," kata Perdana Menteri.